

UPM tingkat kemahiran bahasa Inggeris pelajar



ELS Educational Services (ELS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membangunkan program yang bertujuan memperkasakan bahasa Inggeris di dalam kalangan pelajar.

Mou tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif ELS, Mark W. Harris dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Fauzi Ramlan.

Menurut Fauzi, bahasa Inggeris merupakan satu daripada aspek yang penting dalam memastikan siswazah UPM lebih berdaya saing di pasaran pekerjaan.

Justeru, ujar beliau, pihaknya amat gembira dengan kerjasama yang terjalin dengan ELS yang akan meliputi beberapa inisiatif bagi meningkatkan kebolehan pelajar UPM dalam bahasa Inggeris.

"Kami juga berharap kerjasama ini dapat meluaskan jaringan pelajar UPM

memandangkan ELS mempunyai hubungan yang baik dengan pelbagai universiti di seluruh dunia," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.


Antara perkara yang dipersetujui dalam memorandum itu ialah pengambilan pelajar asing berkelulusan tinggi ke UPM selain menjadi platform kepada kerjasama antarabangsa antara UPM dengan lebih 650 universiti dari

seluruh dunia.

Ia telah ditandatangani di Persidangan Persatuan Pendidik Antarabangsa (NAFSA), St. Louis, Missouri, Amerika Syarikat pada 29 Mei lalu.

Kerjasama ELS dengan UPM itu juga selari dengan kehendak kerajaan yang mahu mempromosikan kebolehan berbahasa Inggeris kerana ia merupakan satu aspek tambah nilai yang tinggi serta bagi memastikan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang mesra bahasa tersebut.

Berita Semasa



FAUZI (kanan) dan Mark W. Harris menandatangani memorandum persefahaman di St. Louis, Missouri, Amerika Syarikat baru-baru ini.

“

Kami juga berharap kerjasama ini dapat meluaskan jaringan pelajar UPM memandangkan ELS mempunyai hubungan yang baik dengan pelbagai universiti di seluruh dunia

DR. FAUZI